



Faktor situasi dan pembentukan ruang rekreasi: Kajian awal tingkah laku devian para penyokong bolasepak di Malaysia

Nur Hafizah Yusoff¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Nur Hafizah (email: nur_hafizah@ukm.edu.my)

Abstrak

Sukan bolasepak era moden khususnya telah menjadi salah satu industri yang mengaut keuntungan besar. Keuntungan bukan sahaja datang dalam bentuk jumlah penajaan yang banyak, tetapi juga datang daripada hasil keuntungan jualan tiket yang disumbangkan oleh para penyokong. Peranan yang dimainkan oleh para penyokong sangat besar impaknya kepada pasukan yang disokong. Pemain boleh dimotivasi dengan sokongan yang ditunjukkan oleh penyokong. Jatuh dan bangunnya sesebuah pasukan bolasepak juga adakah ditentukan oleh para penyokong. Oleh kerana jumlah penyokong yang hadir menyaksikan sesuatu perlawanan bolasepak adalah sangat ramai, maka sukar untuk menjangkakan bahawa kesemua mereka akan mematuhi norma mahupun undang-undang yang telah ditetapkan. Hasil daripada pelbagai kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu dan hasil dapatkan awal kajian pengkaji sekarang mendapat bahawa ‘faktor situasi’ (situational factors) memainkan peranan penting dalam menentukan tingkah laku penyokong semasa berada di dalam stadium. Hasil daripada temubual mendalam yang telah dijalankan dengan beberapa informan utama kajian, mendapat bahawa faktor situasi itu sendiri terdiri daripada pelbagai elemen. Antaranya ialah, jumlah penyokong dan kedudukan mereka di dalam stadium, makna dan kepentingan perlawanan bolasepak kepada penyokong, sejarah dengan penyokong pasukan lawan, kawalan keselamatan di stadium, kepentingan sukan bolasepak kepada pembentukan identiti penyokong, sebab penyokong datang ke stadium serta jangkaan mereka daripada perlawanan yang bakal berlangsung serta lokasi perlawanan.

Katakunci: faktor situasi, hooliganism, *mob behaviour*, penyokong bolasepak, tingkah laku devian, ruang rekreasi

Situational factors and the shaping of recreational space: A preliminary study of deviant behaviours among Malaysian soccer fans

Abstract

Contemporary soccer sports have become a huge industrial machinery churning mega profits from competitive commercial sponsorships as well as from tickets bought by fans. The latter exert critical impacts on players determining significantly both their motivation and their team fortunes. Since fans turn up in crowds to watch a soccer match it is not easy to expect them to always comply with all the norms and rules that have been set. This preliminary Malaysian study confirms the findings of previous studies with respect to the role played by situational factors in determining the behaviour of supporters in the stadium. From in-depth interviews and focus group discussions with several key informants and soccer fans it was found that various situational factors such as the number of supporters and their position in the stadium, the meaning and the importance of the matches to fans, the history of fans relationships with the team, the security at the stadium, the importance of the game to the identity of the fans, and fans' expectations of the upcoming matches as well as the location of the match, all contribute to the conduct and behaviour of fans at the pitch.

Keywords: deviant behaviour, football hooliganism, mob behavior, recreational space, situational factors, soccer fans

Pengenalan

¹“With so many people involved, there will always be people who break the rules, that is something you cannot prevent” (Fifa President Joseph Sepp Blatte).

²“Violence in football is treated differently than it is in society and you need to arrest those who take part in this type of violence and that doesn't happen” (Leonardo Bertozzi, a ESPN commentator).

Apabila membicarakan soal sukan, adalah sukar untuk tidak mengaitkan bolasepak dalam perbincangan tersebut. Bolasepak menjadi sukan paling popular di dunia bukan sahaja kerana ianya ditonton oleh berbilion orang merentasi dunia pada satu-satu masa, tetapi ianya juga dianggap sebagai salah satu sukan yang mempunyai bilangan pengikut atau penyokong yang cukup ramai (Otto, 1999). Huang (2011) menambah, peranan yang dimainkan oleh para penyokong sangat penting. Para pemain menurutnya, dimotivasikan oleh sokongan yang diberikan oleh para penyokong. Prestasi pemain dan pasukan secara tidak langsung menerima tempias daripada sokongan peminat-peminat mereka.

Oleh kerana jumlah penyokong yang datang menyaksikan sesuatu perlawanan bolasepak adalah sangat ramai jumlahnya. Maka, adalah sukar untuk memastikan kesemua para penyokong ini bertingkah laku secara berhemah dan professional. Hal ini kerana, tidak semua para penyokong yang datang menyaksikan sesuatu perlawanan itu mempunyai niat untuk menikmati perlawanan dan mengisi masa lapang mereka (Kelly, 1996). Sebaliknya, terdapat juga sekumpulan para penyokong yang datang untuk menyaksikan perlawanan dengan niat dan tujuan yang berbeza. Mereka ini dikenali sebagai *football hooliganism* (Spaaij, 2006; Dunning, 2000). Isu berkaitan dengan *football hooliganism* bukanlah merupakan isu baru terutamanya di barat. Sejak abad ke 16 lagi fenomena ini telah direkodkan dan media massa juga giat melaporkan berkaitan dengan isu tersebut, sehingga tercetusnya ‘moral panic’ (Coakley, 2009).

Di Malaysia juga, isu berkenaan dengan keganasan penyokong bolasepak bukanlah merupakan satu isu yang baru. Malah, isu ini semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini. Walau pelbagai denda dan hukuman telah diberikan terutamanya oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) ianya masih belum mencukupi untuk mengawal tingkah laku para penyokong bolasepak Malaysia. Perbuatan membaling mercun, botol minuman, batu, menyalakan suar, membakar kerusi stadium, provokasi, pergaduhan serta mengganggu ketenteraman awam adalah merupakan antara tingkah laku devian dan agresif yang dilakukan oleh segelintir penyokong bolasepak di Malaysia.

Tidak kira apa jua alasan yang diberikan oleh para penyokong, samada minat, tidak puas hati, provokasi, balas dendam atau sebagainya, mereka seharusnya tidak melanggar sebarang peraturan yang telah ditetapkan. Bukan hanya perbuatan bergaduh, merosakkan harta benda awam, membuat rusuhan dianggap sebagai tingkah laku devian, tetapi juga perbuatan seperti mencaci maki, mengeluarkan kata-kata lucah juga dikira sebagai tingkah laku devian. Selain itu, terdapat juga sesetengah penyokong bolasepak yang hanya mengikuti perbuatan yang dilakukan oleh penyokong lain (mob behaviour) tanpa memikir akan sebab dan akibat daripada perbuatan tersebut. Mereka ini tergolong dalam golongan yang mudah dipengaruhi oleh persekitaran sosial dan mudah dimanipulasi dari segi emosi (Dunning, 2000).

¹ Presiden Persatuan Bolasepak Dunia (FIFA), menyatakan bahawa dengan jumlah mereka yang terbabit dalam sukan bolasepak, semestinya akan ada segelintir yang akan cuba untuk memilih tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan adalah amat sukar untuk menghalang daripada perkara sebegini daripada berlaku.

² Pengulas ESPN Brazil pula menegaskan sesiapa yang terbabit dalam aktiviti ganas haruslah ditangkap bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.

Kaedah kajian


Kertas ini adalah merupakan dapatan awal kajian. Sebanyak lima siri temubual berstruktur telah dilakukan ke atas lima orang informan utama yang terdiri daripada 2 orang pengulas dan pengkritik sukan , 2 orang jurulatih pasukan bolasepak dan seorang informan lagi adalah pegawai daripada FAM.

Sebanyak 4 siri *Focus Group Discussion* (FGD) juga telah diadakan dan setiap satu siri dihadiri oleh seramai 10 orang informan. Setiap satu siri FGD dijalankan di negeri yang terlibat yakni di negeri Kelantan, Perak, Johor dan Selangor. Manakala, antara informan yang terlibat dalam setiap siri ialah, Pengurus kelab penyokong masing-masing beserta dengan sembilan orang penyokong tegar bagi setiap pasukan yang telah dikenalpasti oleh Pengurus kelab penyokong masing-masing. FGD dilakukan bagi mendapatkan lebih banyak maklumat daripada para penyokong terutama berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi penyokong gagal mengawal emosi dan seterusnya terbabit dalam tingkah laku devian semasa menyaksikan perlawanan bolasepak di stadium.

Faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku devian dalam kalangan penyokong bolasepak di Malaysia

Hasil daripada data sekunder daripada pelbagai kajian pengkaji terdahulu dan juga hasil daripada maklumat yang diperoleh daripada temubual dan FGD yang telah dijalankan, dapat dinyatakan bahawa wujud pelbagai faktor yang mempengaruhi salah laku penyokong bolasepak. Antaranya ialah, susun atur kedudukan para penyokong (home/away), provokasi dari pihak lawan, sistem kawalan keselamatan sedia ada serta mudah terpengaruh dengan tingkah laku penyokong lain.

Daripada pelbagai faktor yang telah dikenalpasti, dapat disimpulkan bahawa semua faktor yang dinyatakan adalah faktor situasi (situational factors) yang wujud dan berkembang terutamanya semasa perlawanan sedang berlangsung.



Rajah 1. Hubungan situational factors dan tingkah laku devian penyokong bolasepak

Jumlah penyokong dan susunan kedudukan

Setiap stadium mempunyai jumlah kapasiti penyokong yang berbeza. Bagi setiap perlawanan terdapat peruntukan tertentu terhadap jumlah tiket yang dijual. Namun demikian, keputusan untuk menjual tiket

kepada penyokong lawan adalah hak Persatuan Bolasepak Negeri. Sebagai contoh, Persatuan Bolasepak Negeri Sarawak (FAS) yang mengambil keputusan untuk tidak menjual sebarang tiket kepada penyokong bolasepak Perak dengan alasan untuk mengelakkan perkara yang tidak sepatutnya berlaku berikutan kes pergaduhan antara kedua-dua penyokong di stadium Perak.

Selain itu, kedudukan para penyokong di stadium juga memainkan peranan kepada tingkah laku devian. Susunan penyokong yang terlalu dekat antara satu sama lain akan menyebabkan berlaku perbalahan (saling mengata, mencaci dan mungutuk) serta membaling objek (batu, mercun dan botol minuman) di antara penyokong lawan dan tuan rumah. Disebabkan terlalu banyak kes berpunca daripada ini, terdapat segelintir pengkaji menyarankan agar lebih ramai anggota keselamatan ditempatkan di stadium dan disarankan juga agar sesetengah anggota keselamatan ini menyamar sebagai orang biasa dan berada dalam kalangan penyokong untuk memantau salah laku para penyokong dengan lebih berkesan (Spaiij, 2006; Fallahi, 2009 & Otto, 1999).

Makna dan kepentingan perlawanannya kepada penyokong

Para penyokong menyatakan bahawa setiap perlawanannya yang mereka hadiri mempunyai makna dan kepentingan yang tersendiri kepada mereka. Lazimnya, bagi para penyokong tegar setiap kali pasukan kegemaran mereka bertanding maka mereka mempunyai jangkaan yang sangat tinggi terhadap perlawanannya tersebut. Para penyokong akan sentiasa mengharapkan kemenangan pasukan mereka kerana bagi mereka, pasukan yang disokong adalah pasukan yang terbaik berbanding pasukan lawan. Apabila pasukan mereka tidak dapat memenuhi jangkaan yang telah ditetapkan, seringkali berlaku kekecewaan dan tertekan pada para penyokong tegar ini. Hal ini kerana, setiap perlawanannya adalah sangat penting bagi mereka.

Komposisi/sosiodemografi penyokong

Jumlah penyokong yang datang ke stadium sangat ramai dan latar belakang penyokong juga adalah pelbagai. Hal ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kejadian yang tidak diingini membabitkan para penyokong (Kleomanis, 2004). Banyak kajian sebelum ini menyatakan bahawa golongan muda anggaran usia 20-40 tahun seringkali terbabit dalam kejadian keganasan dan kekasaran semasa menyaksikan perlawanannya bolasepak (Kleomanis, 2004; Spaiij, 2006; Dunning, 2000 & Kelly, 1996). Golongan lelaki pula acapkali terbabit dengan kekasaran melibatkan fizikal (bergaduh, membaling objek, menyalakan suar, membaling mercun dan mengeluarkan isyarat lucu). Manakala, penyokong wanita lebih cenderung untuk bertingkah laku secara verbal (mengeluarkan kata-kata lucu, mencaci maki dan merendah-rendahkan pasukan lawan). Di Malaysia situasinya hampir sama, bilamana golongan lelaki muda yang dikategorikan sebagai penyokong tegar/ekstrem lebih terdedah untuk melanggar norma dan undang-undang yang telah ditetapkan.

Sejarah dan hubungan antara penyokong

Dalam konteks Malaysia, tidak semua perlawanannya berpotensi menjadi perlawanannya yang ‘panas’ terutama membabitkan kejadian salah laku para penyokong. Lazimnya, faktor sejarah dan hubungan antara penyokong pasukan yang bertanding memainkan peranan yang cukup besar. Hal ini turut disahkan oleh para penyokong pasukan bolasepak Perak, terutama membabitkan kejadian pergaduhan antara penyokong Johor dan Perak pada Liga Super 2014 yang lalu. Mereka menyatakan bahawa semasa perlawanannya diadakan di Johor, terdapat para penyokong Perak yang telah disekek oleh para penyokong Johor dan terdapat kenderaan para penyokong Perak yang dirosakkan oleh penyokong Johor. Ekoran daripada persitiwa tersebut, minggu berikutnya apabila perlawanannya timbal balik berlangsung di Perak, maka segelintir penyokong Perak yang masih berdendam dengan kejadian di Johor telah melakukan perkara yang sama, yakni merosakkan bas yang dinaiki oleh penyokong bolasepak Johor.

Faktor hubungan dan masalah antara penyokong juga turut berlaku di antara penyokong pasukan bolasepak Johor dan Pahang yang kedua-dua pasukan telah didenda oleh FAM akibat daripada pergaduhan dan kekecohan membabitkan penyokong mereka.

Sistem kawalan keselamatan

Menurut FAM sendiri, pelbagai usaha pencegahan dan pengawalan telah dilakukan bagi membendung kejadian ‘samseng bolasepak’ daripada berleluasa di Malaysia. Hukuman dan denda telah acapkali dikenakan kepada pelbagai persatuan bolasepak negeri atas kegagalan mereka mengawal tingkahlaku para penyokong. Namun demikian, bagi pihak penyokong dan persatuan bolasepak negeri pula, ada yang merasakan bahawa hukuman dan denda yang dikenakan sangat tinggi sehingga boleh menjasarkan ‘kantung’ persatuan bolasepak negeri. Sepatutnya, menurut mereka pihak FAM perlu bekerjasama erat dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan memohon penambahan bilangan anggota keselamatan di semua stadium terutama membabitkan perlawan berisiko tinggi. Spaiij (2006) menyatakan bahawa, bukan soal bilangan anggota keselamatan sahaja perlu diberi perhatian tetapi anggota keselamatan tersebut perlulah terlatih dan cekap. Hal ini kerana, bukan mudah untuk mengawal ribuan atau puluhan ribuan para penyokong pada satu-satu masa.

Kewujudan kamera litar tertutup (CCTV) di stadium, yang diletakkan pada posisi yang betul (pintu masuk utama, pintu keluar, laluan ke tandas dan bilik persalinan) perlu diperluaskan. Hal ini bagi memastikan sebarang perlakuan yang tidak sepatutnya dapat dirakam dan akhirnya pesalah dapat ditangkap dan dihukum. Para penyokong juga lebih berhati-hati untuk melakukan sesuatu kerana mereka sedar bahawa mereka diperhatikan.

Pemeriksaan di pintu masuk ke stadium juga perlu diperketatkan bagi memastikan barang berbahaya (batu, botol minuman, mercun, suar dan kayu) tidak dapat dibawa masuk ke stadium. Walaupun pemeriksaan dilakukan ke atas para penyokong sebelum memasuki stadium, namun terdapat juga penyokong yang berjaya meloloskan diri bersama-sama dengan barang berbahaya kedalam stadium. Perkara ini perlu dilihat secara serius oleh pihak yang berkaitan.

Tidak puashati terhadap pegawai perlawan

Perlawan bolasepak tidak hanya melibatkan pemain mahupun penonton semata-mata. Penglibatan pegawai perlawan seperti pengadil, pembantu pengadil dan penjaga garisan (linesman) memainkan peranan yang penting dalam memastikan kelancaran sesuatu perlawan bolasepak. Para penyokong menyatakan bahawa kelakuan ganas lazimnya terjadi akibar daripada perasaan tidak puas hati dan marah terhadap keputusan yang dibuat oleh pegawai perlawan yang mana dianggap sebagai tidak adil dan berat sebelah kepada pasukan yang disokong. Oleh yang demikian, adalah tidak hairan jika dalam sesuatu perlawan para penyokong akan mengeluarkan kata-kata kesat, mencaci maki dan membaling objek tengah padang mahupun ke arah penjaga garisan kerana rasa kecewa dan marah dengan keputusan yang diberikan. Ironinya, jika keputusan yang diberikan pengadil menyebelahi pasukan mereka, maka mereka tidak mempersoalkan keputusan terbabit. Berbeza halnya, apabila keputusan pengadil seperti memberikan sepakan penalti kepada pasukan lawan seterusnya membolehkan pasukan lawan mendahului atau memenangi perlawan. Perkara ini akan menjadi satu tonik untuk membangkitkan rasa amarah dan seterusnya menyebabkan para penyokong bersikap ganas.

Di Malaysia, kes membabitkan memukul dan mencederakan pegawai perlawan telah banyak dilaporkan. Malah yang terbaru adalah rusuhan yang berlaku di Stadium Negeri Sarawak yang dikatakan berpunca daripada rasa tidak puas hati akibat keputusan pengadil. Akibatnya, sebanyak 6 kenderaan peronda polis dibakar oleh para penyokong.

Kepentingan pasukan kepada pembentukan identiti penyokong

Spaiij (2006) menyatakan bahawa bagi penyokong tegar atau fanatik mempunyai ikatan (bonding) yang sangat erat dengan pasukan kegemaran mereka. Malahan, bagi mereka bolasepak telah membentuk identiti yang baru bagi mereka. Bagi golongan *ultras*, mereka mempunyai ikatan yang sangat erat terhadap pasukan merek. Mereka dibentuk bertujuan memberikan sepenuh sokongan terhadap pasukan mereka. Oleh kerana mereka merasakan bahawa bolasepak merupakan sebahagian daripada hidup mereka, maka mereka tidak kisah berdiri, bersorak, bernyanyi sepanjang 90 minit perlawanannya berlangsung.

Oleh kerana bolasepak Malaysia berasaskan kepada pasukan bolasepak negeri. Setiap negeri di Malaysia mempunyai wakil pasukan bolasepak masing-masing tidak kira bermain di liga kelas 1 atau 2. Ekoran daripada itu, para penyokong Malaysia lebih melihat bolasepak sebagai *state-based identity*. Mereka menyokong pasukan mereka bukan sahaja disebabkan soal minat tetapi juga ingin menunjukkan kesetiaan mereka kepada negeri masing-masing. Apabila berlakunya kejadian seperti penyokong bolasepak Selangor telah membakar bendera negeri pasukan Kelantan pada tahun 2013 yang lalu, telah menyebabkan para penyokong Kelantan merasa berang dan marah akan perbuatan tersebut. Pergaduhan membabitkan kedua-dua penyokong berlarutan sehingga ke luar stadium.

Sebab penyokong datang ke stadium serta jangkaan mereka terhadap perlawanannya

Para penyokong yang telah melaburkan duit datang menyaksikan perlawanannya bolasepak. Tidak hanya menyaksikan perlawanannya di tempat sendiri (home) tetapi juga sanggup melaburkan wang untuk ke tempat lawan (away) bagi memastikan pasukan kegemaran mereka menerima sokongan yang sepatutnya. Oleh yang demikian, dengan setiap pelaburan yang telah dibuat, para penyokong lazimnya meletakkan harapan dan jangkaan yang tinggi untuk menyaksikan pasukan mereka mencapai kemenangan (Giulianotti, 1999). Kenyataan yang sama juga diberikan oleh para penyokong yang ditemubual. Mereka menambah bahawa sebagai penyokong, tidak mungkin mereka akan menganggap pasukan mereka akan kalah. Hal ini kerana, bagi mereka hanya pasukan mereka yang terbaik antara semua pasukan yang bertanding. Apabila jangkaan yang diterima yakni pasukan mereka mengalami kekalahan, terdapat sesetengah penyokong yang tidak dapat menerima kenyataan tersebut dan mula diselubungi dengan perasaan marah, kecewa dan malu.

Lokasi perlawanannya

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, lokasi perlawanannya turut memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi salahlaku dalam kalangan penyokong bolasepak (Guttmann, 1998). Jika penyokong bertandang ke tempat lawan, lazimnya mereka akan hadir dalam bilangan yang tidak ramai kerana jumlah jualan tiket untuk pasukan lawan lebih sedikit berbanding dengan kepada pasukan tuan rumah. Apabila berada dalam kawasan pihak lawan, maka kecenderungan untuk melakukan sebarang perkara negatif adalah rendah kerana risau dan gentar dengan reaksi daripada penyokong tuan rumah yang semestinya lebih ramai jumlahnya. Seandainya, penyokong tuan rumah melakukan sebarang kekasaran, merosakkan kenderaan pasukan lawan mahupun membaling objek ke arah penyokong lawan, maka tidak hairanlah jika perkara yang sama akan berulang kembali apabila perlawanannya berlangsung di tempat mereka pula kelak.


Provokasi semasa perlawanannya

Bolasepak sememangnya tidak dapat dielakkan dengan elemen provokasi daripada para penyokong. Provokasi sesama penyokong jika dapat ditangani dengan baik, ianya bukanlah merupakan satu isu yang besar. Namun demikian, yang menjadi masalah bagi para penyokong bolasepak Malaysia ialah memberi reaksi dan tindak balas terhadap provokasi yang dilemparkan. Provokasi seperti mengutuk pasukan lawan, merendahkan kredibilitati pasukan lawan, mencaci pasukan dan penyokong lawan jarang sekali berakhir

dengan suasana yang positif. Pasukan yang dicerca pasti akan memberikan tindak balas dengan membala kembali provokasi yang diberikan. Seterusnya, provokasi yang bermula dengan perang mulut akan berterusan sehingga membabitkan keganasan fizikal. Pihak FAM sendiri menyatakan bahawa para penyokong seharusnya bersabar dalam sebarang jua bentuk provokasi yang dilakukan bagi mengelakkan keadaan menjadi lebih tegang.

Mob behavior

Gustave LeBon pada tahun 1985 telah memperkenalkan teori berkaitan *group of mind*. Asas kepada teorinya adalah apabila seseorang individu berada dalam kelompok yang memiliki minat, kemauan dan keghairahan yang sama, terdapat kemungkinan yang tinggi untuk individu terbabit dipengaruhi oleh orang lain. Semasa menyaksikan perlawanan bolasepak, para penyokong yang berada di stadium tidak semuanya mengenali diantara satu sama lain. Tetapi semuanya datang dengan tujuan dan matlamat yang sama yakni mahu menyokong pasukan mereka dan menyaksikan pasukan mencapai kemenangan. Apabila terdapat penyokong yang membaling objek ke tengah padang akibat daripada kekecewaan yang dialami, perkara yang dilakukannya itu disaksikan oleh penyokong yang lain. Penyokong yang lain turut mengalami kekecewaan yang sama akan mula terikut-ikut dengan perbuatan tersebut. Tambahan pula, mereka beranggapan bahawa dalam keadaan ribuan orang, ramai orang melakukan perkara yang sama maka mereka mula merasakan bahawa perbuatan tersebut tidak salah. Melalui pemerhatian sepanjang berada di stadium, perkara paling ketara yang dilakukan oleh para penyokong akibat daripada terikut dengan perlakuan penyokong lain adalah perbuatan mencaci-maki. Misalnya, dalam satu perlawanan membabitkan pasukan Johor dan Pahang, pengadil memberikan kelebihan kepada pasukan Johor dengan tidak melayangkan kad merah kepada pemain Johor yang telah melakukan kekasaran di dalam kawasan penalti pasukan Pahang. Situasi tersebut mencetuskan kemarahan para penyokong Pahang dan terdapat segelintir penyokong yang mula melaungkan perkataan ‘pengadil bodoh’ berulang-ulang kali. Perbuatan tersebut diikuti oleh para penyokong lain dan menyebabkan stadium bergema dengan sorakan ‘pengadil bodoh’ pada ketika itu (Rajah 2).



Rajah 2. Hubungan situational factors dan tingkah laku devian penyokong bolasepak di Malaysia berdasarkan dapatan kajian

Kesimpulan

Dalam sukan bolasepak era moden, tiada siapa dapat menafikan kepentingan penyokong terhadap pembangunan sesebuah kelab bolasepak. Sokongan dari segi material dan moral memainkan peranan yang penting. Sebagai seorang penyokong, yang mengaku bahawa meminati dan mencintai pasukan yang disokong, penyokong seharusnya lebih bertanggungjawab dan beretika. Walaupun sukan bolasepak di Malaysia tidak begitu besar impaknya seperti *English Premier League* (EPL), tetapi itu sudah cukup membuatkan para penyokong menjadi fanatik dan ada yang menjadi ‘samseng’. Jika benar penyokong sayangkan pasukan yang disokong, mereka seharusnya belajar untuk lebih bersabar, memiliki sikap yang positif dan tidak melayan sebarang bentuk provokasi daripada pihak lawan. Jika perkara sebaliknya berlaku, para penyokong dan pasukan bolasepak yang disokong juga yang akan rugi. Pasukan bolasepak negeri akan rugi akibat didenda dan dihukum oleh FAM. Penyokong yang ditangkap pula akan berhadapan dengan tindakan undang-undang. Manakala, penyokong yang terlepas akan mengalami kerugian jika FAM memutuskan pasukan mereka terpaksa bermain di stadium berkecuali dan tanpa kehadiran para penyokong.

Rujukan

- Coakley J (2009) *Sports in society: Issues and controversies*. McGraw-Hill, New York.
- Dunning E (2000) Towards a sociological understanding of football hooliganism as a world phenomenon. *European Journal on Criminal Policy and Research* 2, 141–62.
- Fallahi (2009) Comparison of factors affecting the audience occasionally, regular and fanatics in leagues matches. *Sport Management Journal* 2, 62-70.
- Giulianotti R (1999) *Football: A sociology of the global game*. Polity Press, Cambridge.
- Guttmann A (1998) *The appeal of violent sports. In why we watch: The attractions of violent entertainment*. Oxford University Press, New York.
- Huang MJ (2011) Determinant factors and satisfaction of spectators at the selecting national table tennis team competition in Taiwan. *The 12th ITTF Sports Science Congress May 5-7, 2011*. Rotterdam, The Netherlands.
- Kelly JR (1996) *Leisure*. Allyn & Bacon, Boston.
- Kleomanis L (2005) Deviant behavior of football spectators [Cited 30/10/2012]. Available from: http://phd.sote.hu/mwp/phd_live/vedes/export/lappaskleomenis.e.pdf.
- Otto Adang (1999) *Committee on Culture and Education, Council of Europe*. Socialist Group, Netherlands.
- Spaaij R (2006) Aspects of hooligan violence: A reappraisal of sociological research into football hooliganism. ASSR Working Paper Series, No. 06/02.